



UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH

**PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR
(HAL EHWAL AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)**

PENGUMUMAN RASMI

BILANGAN 8 TAHUN 2025

**PEMAKLUMAN KELONGGARAN PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
BERSEMPENA DENGAN PERAYAAN HARI DEEPAVALI
DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH**

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,

Kepada semua pensyarah dan pelajar Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).

2. Merujuk kepada Kalendar Sesi Akademik 2025/2026 yang dikeluarkan oleh pihak universiti bahawa cuti bagi Hari Deepavali adalah pada **20 Oktober 2025 (Isnin)** dan pihak universiti telah pun memberikan **cuti gantian bersempena dengan Hari Deepavali pada 21 Oktober 2025 (Selasa)**.

3. Bagi tujuan memudahkan urusan pelajar beragama Hindu untuk meraikan sambutan Hari Deepavali yang jatuh pada tarikh tersebut, pihak universiti bersetuju memberikan kelonggaran kepada pensyarah dan pelajar untuk **melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara dalam talian bermula pada 22, 23 dan 24 Oktober 2025 (Rabu, Khamis dan Jumaat)** iaitu pada minggu perayaan Hari Deepavali. Walau bagaimanapun, bagi **pelajar yang bukan beragama Hindu, aktiviti PdP akan dilaksanakan seperti biasa**.

4. Diharapkan dengan kelonggaran yang diberikan ini, ianya akan dapat membantu memudahkan urusan pensyarah dan pelajar yang beragama Hindu untuk meraikan Hari Deepavali bersama keluarga masing-masing.

5. Segala kerjasama yang diberikan oleh semua pensyarah dan pelajar dalam mengambil maklum dan perhatian berkaitan perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**Dikeluarkan oleh
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwil Akademik dan Antarabangsa)
13 Oktober 2025**